

Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Interaktif Bahasa Arab Di Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS)

Interactive Teaching And Learning Modules In Selangor Arabic Center (PBAS)

Mohd Shafie Zulkifli¹, Hairun Najuwah Jamali², Hasanah Hj Iksan³ & Hj Ahmad Ismail⁴

Terima	Wasit
21 MEI 2018	24 MEI 2018

ABSTRAK

Pembelajaran bahasa Arab telah menjadi elemen keperluan penting dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kewujudan pusat bahasa Arab yang sedia ada menjadi perhatian bagi masyarakat yang ingin mendalami bahasa Arab dengan tujuan yang pelbagai. Pusat bahasa Arab telah menjadi salah satu institusi pendidikan sokongan kepada mereka yang memerlukan. Kajian ini bertujuan meninjau kekuatan yang ada pada sesebuah pusat bahasa Arab yang sentiasa menjadi tumpuan peserta mempelajari bahasa Arab. Justeru kajian ini memfokuskan kepada Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS) dengan melihat kekuatan modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang interaktif. Kajian dijalankan dengan menggabungkan kedah temubual bersama pegawai PBAS dan edaran soal selidik kepada peserta yang mengikuti kursus di PBAS. Dapatan kajian mendapati bahawa PBAS merupakan pusat bahasa Arab yang mempunyai kekuatan modul pengajaran dan pembelajaran interaktif berdasarkan kemampuan kelengkapan makmal ICT dan kekuatan modul program pembelajaran interaktif. Selain itu, PBAS juga didokongi oleh tenaga-tenaga pengajar dari dalam dan luar negara. Hasil dapatan soal selidik juga menunjukkan para peserta berpuas hati dengan modul yang disediakan oleh PBAS.

Kata kunci: Modul Interaktif, PBAS

ABSTRACT

Arabic learning has become an essential element of the Malaysian society. The existence of an existing Arabic center is a concern for people who want to learn Arabic with various purposes. The Arabic language center has become one of the supporting educational institutions to those in need. This study is aimed at examining the strengths of an Arabic language center that has always been the focus of the participants in learning Arabic. Hence this study focuses on the Selangor Arabic Center (PBAS) by looking at the strength of interactive Arabic teaching and learning modules. The study was carried out by combining interviews with PBAS officers and distributing questionnaires to participants who attended the course at PBAS. The findings show that PBAS is an Arabic language center that has the power of interactive teaching and learning modules based on the ability of ICT laboratories and the strength of interactive learning program modules. In addition, PBAS is also

¹ Mohd Shafie Zulkifli, Pensyarah Muda, Jabatan Bahasa Dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mohdshafie@kuis.edu.my

² Hairun Najuwah Jamali, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, hairunnajuwah@kuis.edu.my

³ Hasanah Hj Iksan, Pensyarah, Jabatan Pengajian Bahasa Dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, hasanah@kuis.edu.my

⁴ Hj Ahmad Ismail, Pensyarah, Jabatan Pengajian Bahasa Dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, ahmad@kuis.edu.my

supported by domestic and foreign instructors. The findings of the questionnaire also showed participants were satisfied with the modules provided by PBAS.

Keywords: *Interactive module, PBAS*

Pengenalan

Dewasa ini, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab semakin bertambah baik dengan adanya penggunaan teknologi multimedia dalam usaha membangun dan memperkembang modul pengajaran bahasa Arab. Perkara penting yang perlu ditekankan dalam modul bahasa Arab yang dibina adalah menepati kehendak masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang dan peringkat umur. Ia juga bagi menarik minat untuk mempelajari bahasa Arab sehingga dapat meningkatkan kecekapan bahasa Arab mereka.

Pengajaran bahasa Arab perlu disampaikan dengan cara yang menarik supaya penuntut ilmu ini dapat merasai wujudnya proses belajar secara berkesan. Untuk mencapai objektif tersebut, pelbagai usaha perlu dilaksanakan agar penglibatan penuntut ilmu secara optimum dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P). Antara komponen penting dalam pelaksanaan P&P ialah modul P&P efektif menggunakan bahan-bahan interaktif bagi merangsang potensi sesiapa yang mempelajarinya. Menurut Adri (2007) dalam Rian & Kamisah (2012), proses pengajaran dan pembelajaran tidak terlepas daripada penggunaan media pengajaran dan pembelajaran. Dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran, penggunaan pelbagai media pengajaran ini diakui dapat menambahkan pengayaan kepada daya pembelajaran manusia. Pelaksanaan proses pembelajaran yang kurang interaktif dalam pengajaran secara konvensional mengakibatkan pelajar kurang memberi perhatian kepada guru ketika mengajar dan segan untuk bertanya, sehingga pelajar kurang bermotivasi dan kurang memahami pelajaran. Oleh itu, untuk mendapatkan rancangan pengembangan pembelajaran yang baik dan interaktif, maka pelbagai media pengajaran yang berbentuk multimedia (ICT) mahupun modul diperlukan.

Modul

Secara umum istilah modul bererti "unit-unit yang terkandung dalam satu keseluruhan (entiti) yang lebih besar. Dalam bidang pendidikan pula, modul pernah diberi pengertian sebagai unit-unit media dalam satu raneangan mengajar (seperti filem ialah satu modul, begitu juga pita video, pita audio dan sebagainya).

Modul biasanya dicipta untuk keperluan pelajar. Bahkan boleh dikatakan hampir semua modul yang sedia ada tertulis adalah untuk menyenangkan pembelajaran pelajar, iaitu agar pembelajaran pelajar akan lebih berkesan. Namun demikian modul juga dapat direka khas untuk guru membolehkan guru mengajar dengan lebih berkesan. Modul pengajaran untuk guru ini ialah bahan pengajaran yang dilengkapi dengan isi kandungan matapelajaran serta strategi-strategi, tindakan-tindakan dan gerak kerja-gerak kerja yang boleh diselenggarakan oleh guru bersama-sama dengan cara penilaian isi kandungan matapelajaran tersebut.

Modul yang memuatkan semua maklumat untuk membolehkan guru mengajar dengan lebih berkesan ini biasanya dikelaskan sebagai Modul Pengajaran. Modul Pengajaran masih tidak terkeluar dari bidang pengertian pengajaran individu walaupun pengajaran guru yang

menggunakan modul pengajaran ini melibatkan satu kumpulan atau kelas dan bukan satu individu. Ini adalah kerana dari sudut guru, modul pengajaran itu digunakan bagi seseorang guru tertentu (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1981)

Menurut Anwar (2010). Modul pembelajaran adalah bahan pengajaran yang disusun secara sistematik dan menarik yang mencakupi isi material, metod dan penilaian yang dapat digunakan secara mandiri untuk mencapai kompetensi yang diharapkan. Oleh itu, modul adalah aset terpenting dalam pengajaran dan pembelajaran apa jua mata pelajaran yang dipelajari. Manakala menurut Tu'aymah (1989) dalam Nor Yazidah et.al (2016) sesuatu bahan pengajaran bermaksud segala pengalaman pendidikan, hakikat, maklumat, nilai serta kemahiran yang perlu dibekalkan dan diperkembangkan serta dikuasai oleh pelajar untuk tujuan mencapai pembangunan yang sempurna dan lengkap berdasarkan objektif yang ditetapkan dalam sukatan.

Definisi Pengajaran Interaktif

Pembelajaran interaktif ialah pendekatan pedagogi yang melibatkan hubungan antara pemikiran aktif pelajar dengan kandungan pelajaran yang menekankan perhatian, pengekalan dan tujuan pelajar belajar. Pendekatan ini juga menyediakan maklum balas segera yang pelajar boleh secara sendiri menggunakan pengetahuan baru untuk menyelesaikan masalah dan mereka mempunyai lebih pilihan berkaitan dengan tugas. Antara contoh pembelajaran interaktif ialah kajian kes, simulasi, dan aktiviti di makmal (Arba'ie, 2005).

Prinsip Utama dalam Pembelajaran Interaktif

- Mewujudkan persekitaran pembelajaran/komuniti pembelajaran dengan pelajar berasa dibantu dan dinilai.
- Menyatakan kepada pelajar tujuan mereka belajar dan cara mengaplikasikannya dalam pembelajaran.
- Menyediakan alat-alat pengajaran dan alat bantu mengajar dan kaedah dalam pelbagai bentuk termasuklah bahan edaran, aktiviti, perbincangan dan kerja kumpulan.
- Memasukkan aspek emosi dengan intelektual, menggabungkan data baru dan teori dengan kemajuan diri pelajar.
- Memberi dan berinteraksi dengan maklumat yang diberi berbanding dengan menerima dengan pasif.
- Menyediakan ruang kepada pelajar berkongsi pengetahuan.
- Menyediakan ruang kolaborasi dalam proses pembelajaran.
- Membentuk objektif hasil pembelajaran.
- Menitikberatkan penilaian dan cadangan penambahbaikan idea daripada pelajar.
- Menyokong pelajar sebagai insan secara menyeluruh dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Berdasarkan prinsip utama pembelajaran interaktif di atas, modul interaktif yang dijalankan mampu menghasilkan suasana pembelajaran yang aktif dan berkesan melalui penyusunan isi kandungan silibus pengajaran tercapai.

Dalam kajian ini, Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS) adalah model Pusat Bahasa Arab yang menjalankan aktiviti dan program pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab secara interaktif kepada pelbagai peringkat pesertanya seperti pelajar, guru-guru, peserta-

peserta daripada agensi kerajaan dan swasta serta orang awam. Tenaga-tenaga pengajar di PBAS membangunkan modul pengajaran interaktif mereka yang tersendiri di samping adanya makmal bahasa yang kondusif untuk para peserta yang mengikuti kursus.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berasaskan objektif berikut:

1. Mengenal pasti modul interaktif yang digunakan oleh PBAS dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
2. Mengenal pasti metodologi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab PBAS.
3. Mengetahui penerimaan peserta terhadap modul interaktif yang dijalankan oleh PBAS.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah campuran (*mix method*) iaitu kaedah kajian kualitatif secara temubual (*interview*) dan kuantitatif secara tinjauan (*survey*) soal selidik yang bersifat deskriptif. Kaedah ini dilakukan bagi mengetahui modul interaktif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang dijalankan oleh PBAS melalui temubual. Dalam kajian ini soal selidik bertindak sebagai sokongan instrumen utama bagi urusan pemerolehan data melalui keseluruhan kelompok populasi yang telah dipilih. Dalam penyelidikan kuantitatif sampel terdiri daripada subjek yang diambil daripada peserta kajian dan data numerikal dipungut daripada sampel tersebut dan diuji menggunakan ujian statistik. Metod ini bertujuan memperoleh maklumat umum melalui kutipan yang menyeluruh dari sesuatu populasi manakala *core* kepada dapatan kajian ini kaedah temubual separa berstruktur dipilih bagi memperincikan data berkenaan sejarah dan fungsi PBAS bersama pegawai dan tenaga pengajar di PBAS.

Selain itu, penulis juga turut berada di lokasi program dijalankan dengan membuat pemerhatian modul interaktif yang digunakan dan mengedarkan soal selidik kepada peserta program di akhir hari kursus yang dihadiri.

Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS)

Sejarah Penubuhan Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor (PBAS) pada asalnya dikenali sebagai Makmal Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor. Ia ditubuhkan sebagai usaha untuk memenuhi keperluan pendidikan Islam peringkat negeri Selangor yang menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa teras dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah agama di bawah kendalian Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Penubuhan makmal bermula daripada hasrat dan usaha gigih Bahagian Pendidikan Islam JAIS untuk mewujudkan sebuah pusat unggul yang berteraskan kecemerlangan akademik dalam bidang Bahasa Arab. Dengan izin dan perkenan Kerajaan Negeri Selangor serta sokongan daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), sebuah jawatankuasa penubuhan Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor mula membuat persediaan ke arah terwujudnya Pusat Bahasa.

Seiring dengan bermulanya pembangunan sebuah Makmal Bahasa atas sokongan peruntukan daripada kerajaan Negeri menerusi MAIS, JAIS mula mencadangkan untuk perlantikan guru-guru pakar Bahasa Arab tempatan dan luar negara. Dibarisi pensyarah tempatan dan luar negara yang pakar dalam bidang pengajaran bahasa Arab untuk bukan penutur jati, serta sebuah makmal bahasa yang canggih, diharapkan pusat bahasa ini akan berjaya membantu meningkatkan tahap kecemerlangan bahasa Arab, khususnya dalam kalangan pelajar dan guru di sekolah-sekolah agama negeri Selangor. Dengan terwujudnya makmal Pusat Bahasa Arab (PBA) ini diharapkan akan menjadi nadi penggerak dalam memperkasakan bahasa Arab di negeri Selangor, serta menjadi langkah permulaan dalam usaha mewujudkan sebuah Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor (PBAS) yang berdikari dan professional.

Pada awal tahun 2011, MAIS telah melantik 7 orang guru Bahasa Arab luar Negara yang ditempatkan di Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Banting dan Klang. Seterusnya, untuk menguruskan dan menjalankan program-program Makmal Bahasa, MAIS telah melantik 5 lagi guru Bahasa Arab luar negara untuk kelestarian program-program yang tersebut.

Visi pusat bahasa ini adalah ingin menjadikan Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS) sebagai pusat utama memperkembangan dan memperkasakan Bahasa Arab secara professional. Manakala misi organisasi ini antaranya adalah menguruskan latihan dan kursus bahasa Arab, menyediakan sumber bahan rujukan bahasa Arab, dan menerapkan penggunaan teknologi terkini ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Keistimewaan pusat ini juga adalah mereka menyediakan kemudahan yang dilengkapi dengan Makmal Bahasa Audio –video, Studio, dewan Kuliah, Pejabat kakitangan, bilik mesyuarat, asrama peserta kursus, bilik tetamu (Pensyarah), WiFi (Unifi), perpustakaan e-Library (Perpustakaan elektronik) Bahasa Arab dan juga Musolla.

Manakala objektif penubuhan pusat ini adalah:

- i. melahirkan generasi al-Qur'an yang professional.
- ii. Melahirkan guru pakar bahasa Arab yang professional dan holistik.
- iii. Menjadikan makmal pusat bahasa Arab sumber rujukan dalam meningkatkan kepakaran bahasa Arab yang professional serta membantu dan melatih masyarakat awam memahami, mencintai dan mengamalkan bahasa Arab sebagai bahasa ibadah dan kerjaya.

Fungsi dan Modul PBAS

PBAS memfokuskan visi untuk menjadi satu pusat yang mengembang dan memperkasakan Bahasa Arab di Selangor khususnya. Manakala 3 misi yang turut dijelaskan adalah pertama menyediakan program latihan kepada kumpulan sasaran seperti guru-guru, pelajar, sekolah, institusi pendidikan kerajaan dan swasta dan orang awam. Kedua, menyediakan sumber rujukan bahan-bahan bahasa Arab dan ketiga mempraktikkan penggunaan penyampaian maklumat dan berkomunikasi dalam pengajaran bahasa Arab. Oleh itu pusat ini adalah istimewa dengan adanya prasarana seperti makmal bahasa terkini yang dilengkapi dengan studio multimedia dan program komputer elektronik dan peralatan-peralatan lain yang dapat membantu pengajaran bahasa Arab menggunakan teknik komunikasi dan penyampaian maklumat.

Pengubalan modul pula adalah setara untuk semua peringkat dan hasil penulisannya daripada pihak tenaga pengajar PBAS sendiri. Semakan semula bahan karya penulisan PBAS adalah daripada tenaga pengajar dari Sudan dan tenaga pengajar yang lain. Rujukan diambil dari kitab *Al-Arabiyyah baina yadaik, Durus Lughoh Arabiyyah*, buku-buku teks daripada sekolah. Buku teks sekolah dibaca dan disemak seterusnya menjadikan modul daripada buku teks ini yang mengandungi empat kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Proses pembelajaran ini menggunakan kaedah pengajaran secara interaktif dengan diselitkan unsur-unsur nyanyian dan nasyid-nasyid bahasa Arab.

Dapatan Kajian

a. Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran PBAS

Dapatan kajian temubual telah dijalankan bersama pegawai PBAS yang juga tenaga pengajar di pusat ini. Mereka telah menerangkan aktiviti pembelajaran Bahasa Arab yang dijalankan di PBAS iaitu menerapkan elemen gabungan empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran bertutur, menulis, membaca dan mendengar. Empat kemahiran Bahasa ini disampaikan melalui kaedah pengajaran interaktif. Penyataan ini diketahui hasil temubual bersama pegawai dan juga tenaga pengajar di PBAS.

“ ...modul kami sebenarnya lebih kepada empat maharat. Maharat kalam, kitabah, istima'qira'at. Dan kami juga dalam setiap modul kami menerapkan kaedah pengajaran secara interaktif. Interaktif ni maksudnya kami ada selitkan unsur-unsur nyanyian, nasyid-nasyid BA tu kami bahagikan kepada dua. Kami panggil nasyid ta'limiy dengan nasyid tarfih. Nasyid ta'limiy ni kami ajar lebih pada nahu sorof. Dan nasyid tarfih ni nasyid yang macam untuk suka-suka jelah, tepuk tangan ke; akan dapat kalimat la. Jadi kami tak nak fokus pada kaedah taqlidi la (macam, kaedah lama), jadi kami kat sini fokus pada interaktif; satu-satunya macam saya kata tadi dalam bentuk nasyid. Yang ke dua kami buat aktiviti...anshitoh lughowiyah. Anshitoh lughowiyah ni lebih pada musabaqah ataupun nashat jama'ie.” (p.1).

Melalui maklumat ini dapat diperincikan modul interaktif di PBAS seperti berikut:

- i) Nasyid bahasa Arab
 - a) Nasyid ta'limiy
 - b) Nasyid tarhifi
- ii) Aktiviti-aktiviti bahasa (*Ansyitoh Lughowiyah*)
 - a) Pertandingan dalam bahasa Arab (*Musabaqah*)
 - b) Aktiviti-aktiviti berkumpulan (*Nashat jamai'e*)

Ini sejajar dengan kajian Ahmad Qomaruddin (2017) mendapati metode pembelajaran menggunakan nyanyian merupakan salah satu metod pembelajaran yang dapat digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya pembelajaran penguasaan kosa kata atau *mufrodad*. Metod ini menitikberatkan penuntutnya belajar lebih cepat, efektif dan lebih menyenangkan, sehingga aktiviti akan lebih bermakna dan daya ingatnya lebih kuat. Aktiviti yang dijalankan dengan menggabungkan muzik atau lagu, seni dan warna sebagai fokus lingkungan fizik serta guru adalah contoh perilaku untuk menjamin kejayaan penuntutnya.

Metod pembelajaran Bahasa melalui lagu dan muzik juga merupakan pengembangan dari *Accelerated Learning* atau pembelajaran pantas yang dianggap lebih efektif dan lebih cepat dibandingkan belajar secara konvensional, ia dikembangkan pada pertengahan 1970 berdasarkan kerja Dr. George Lazanov. (Meier,2010).

Bagi merealisasikan penggunaan Bahasa Arab secara menyeluruh di PBAS ketika program atau kursus yang dijalankan, PBAS memastikan penggunaan Bahasa Arab pada setiap masa sama ada di dalam bilik kuliah ketika sesi pembelajaran mahupun aktiviti santai para peserta. Hal ini diakui berdasarkan maklumat temubual.

....*“Memang kami apa-apa kursus kat sini memang kena 100 peratus Bahasa Arab. Memang kami akan mewajibkan pelajar-pelajar tu samada guru, pelajar, memang kami akan wajibkan Bahasa Arab. Kalau di luar kelas, Bahasa Arab jugak. Sehingga di kolej kediaman, padang permainan, dewan makan, semuanya dalam Bahasa Arab. Contohnya bermain bola sepak juga dengan Bahasa Arab”* (p.1).

“.....kami ada buat mahkamah lughowiyah. Bila mana pelajar bercakap melayu, akibatnya..akan didendalah...” (p.1).

Selain itu, salah satu keistimewaan daripada penubuhan PBAS ialah Makmal Komputer Pusat Bahasa yang dilengkapi kemudahan wifi dan sistem pengurusan yang moden. Makmal pusat bahasa ini disediakan bagi memastikan setiap kursus-kursus dan program-program bahasa Arab berkenaan IT yang dijalankan PBAS dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Makmal pusat bahasa ini menempatkan sebanyak 30 komputer yang dilengkapi dengan sistem moden pengurusan Makmal *Relan Pro*. Manakala perisian program yang telah diterapkan oleh PBAS dalam penggunaan ICT adalah pelbagai mengikut tujuan, peringkat peserta kursus, dan kesesuaian bahan yang akan diajarkan.

Hasil temubual yang dijalankan, pegawai PBAS menjelaskan makmal ICT ini dilengkapi dengan perisian *Tell Me More*, *Go Anime* dan *Photo Story*. Perisian-perisian ini memenuhi keperluan pembelajaran empat kemahiran bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Menurut beliau, peserta-peserta kursus di PBAS amat berpuashati dengan kemudahan ICT yang disediakan kerana membantu mereka meningkatkan kemahiran bahasa Arab.

Berdasarkan hasil kajian Wan Azura et.al, penggunaan peralatan teknologi dalam proses pengajaran bahasa, perlu dilaksanakan oleh guru untuk mendapatkan refleksi dan respon positif daripada pelajar. Penggunaan ICT dalam proses tersebut hakikatnya dapat menimbulkan minat pelajar dan membantu mereka menguasai bahasa ini dengan lebih berkesan. Justeru langkah PBAS menggunakan makmal bahasa yang lengkap dengan perisian pembelajaran bahasa Arab adalah langkah yang terbaik mempelajari bahasa Arab.

Hasil kajian Sharifah Fatimah (2013:191) juga menyatakan penggunaan perisian multimedia memudahkan pelajar memahami topik pengajaran yang disampaikan serta memudahkan mereka mengingati fakta pelajaran yang disampaikan terutama bagi pelajar yang agak lemah dalam pelajaran. Ini dibuktikan apabila pelajar kelihatan yakin dan seronok untuk menjawab soalan yang diajukan oleh guru. Situasi ini berlaku kerana melalui kaedah pengajaran biasa, pelajar sukar memahami mesej pengajaran yang disampaikan lebih-lebih lagi melalui penggunaan buku teks. Melalui pendekatan multimedia ini, pelajar mudah mengingati fakta pelajaran yang disampaikan.

Hasil kajian ini disokong oleh pandangan Mayer (2009) dengan menyatakan perisian multimedia yang bagus dan berkualiti lebih memberi kesan kepada pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan yang rendah berbanding dengan pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi.

b. Dapatan Data Kuantitatif Modul Pengajaran Dan Pembelajaran PBAS

Bagi mendapatkan maklumat lebih tepat tentang pandangan para peserta terhadap modul yang diikuti ketika kursus di PBAS, penulis telah berada bersama-sama mereka dan mengedarkan soal selidik. Dapatan kuantitatif ini diwakili seramai 138 orang peserta kursus anjuran PBAS. Dapatan ini khusus menjurus kepada penerimaan peserta terhadap modul yang diaplikasi oleh PBAS di sepanjang mereka menghadiri kursus bersama PBAS.

Jadual 1. Dapatan kajian domain modul pengajaran dan pembelajaran di PBAS.

No	Item	N	Mini mum	Maksi mum	Min	Sisihan Piawai
B1	Modul pembelajaran disediakan	138	2	5	4.58	.538
B2	Objektif modul diterangkan dengan jelas di awal pembelajaran.	138	1	5	4.15	.661
B3	Modul yang disediakan menepati objektif pembelajaran Bahasa Arab saya	138	1	5	4.39	.688
B4	Modul meraikan latar belakang penuntut Bahasa Arab.	138	1	5	3.94	1.038
B5	Tempoh masa kursus bersesuaian dengan modul yang disediakan.	138	2	5	4.16	.804
B6	Aktiviti di dalam kelas di pusat ini benar-benar menggalakkan saya bertutur dalam Bahasa Arab.	138	2	5	4.38	.717
B7	Pengajaran dan pembelajaran di pusat ini sepenuhnya menggunakan Bahasa Arab.	138	3	5	4.78	.513
B8	Kaedah pengajaran yang digunakan berkesan dalam meningkatkan kebolehan Bahasa Arab saya.	138	1	5	4.25	.662
B9	Modul yang disediakan membantu saya lebih mengenali budaya Arab	138	1	5	3.15	1.261
B10	Modul yang disediakan meliputi aktiviti di dalam bilik kelas	138	1	5	4.17	.700
B11	Modul yang disediakan meliputi aktiviti di luar kelas	138	1	5	4.09	.730
B12	Modul yang disediakan memenuhi prasyarat ke peringkat seterusnya.	138	1	5	3.54	1.203
B13	Nilai modul yang diikuti berpatutan dengan yuran yang dikenakan.	138	1	5	3.19	1.545

Jadual 1 menunjukkan skor min dan sisihan piawai domain bagi modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di PBAS. Kesemua item berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya para peserta amat berpuas hati dengan modul yang disediakan oleh PBAS.

Mereka berpuas hati kerana ciri-ciri modul yang disediakan menepati objektif kursus, meraikan kebolehan bahasa peserta dan meliputi aktiviti dalam dan luar bilik darjah. Antara skor min tertinggi adalah “*Pengajaran dan pembelajaran di pusat ini sepenuhnya menggunakan Bahasa Arab*” dan “*Aktiviti di dalam kelas di pusat ini benar-benar menggalakkan saya bertutur dalam Bahasa Arab*”. Ini menunjukkan bahawa interaksi komunikasi menggunakan bahasa Arab merupakan aspek yang penting dalam merealisasikan objektif modul yang disampaikan. Hal ini mampu memberi motivasi kepada peserta mempraktikkan komunikasi Bahasa Arab dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Berdasarkan hasil kajian Noryazidah et.al (2016) menyatakan penggunaan modul dalam pembelajaran bahasa adalah kaedah yang semakin diminati dan banyak diusahakan oleh berbagai institusi pengajian. Ianya telah berjaya menarik minat pelajar dan menambahkan keyakinan mereka untuk mengikuti pembelajaran. Penyediaan modul yang terancang dan jelas objektif yang akan dicapai serta bersesuaian dengan keperluan fisiologi, psikologi dan pengalaman sosial peserta dan sangat membantu peserta untuk menguasai bahasa Arab. Oleh yang demikian, langkah penyediaan modul interaktif terarah oleh PBAS adalah satu langkah ke hadapan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Dengan adanya modul, peserta yang mengikuti kursus lebih berasa yakin kerana ia telah disediakan dan boleh cuba difahami terlebih dahulu sebelum ke kelas pembelajaran. Ia jelas dalam dapatan Jadual 1 yang menunjukkan item B1 “*Modul pembelajaran disediakan*” mendapat min yang tinggi. Kemudian ia disokong pula dengan item B2 “*Objektif modul diterangkan dengan jelas di awal pembelajaran*”. Item ini menunjukkan peserta kursus telah diberikan maklumat awal tentang modul pembelajaran yang bakal dilalui. Langkah ini sangat baik bagi membantu persediaan minda para peserta menghadapi pembelajaran ketika kursus dijalankan.

Namun begitu terdapat dua item yang sederhana iaitu “*Modul yang disediakan membantu saya lebih mengenali budaya Arab*” dan “*Nilai modul yang diikuti berpatutan dengan yuran yang dikenakan*”. Justeru, ia harus dilihat sebagai satu nilai tambah yang perlu diambil kira oleh pihak PBAS bagi memperkasa modul yang sedia ada. Modul khusus mengenali budaya Arab untuk para peserta mungkin boleh diwujudkan dalam modul PBAS yang akan datang. Ia akan menambahkan lagi keistimewaan PBAS sebagai pusat bahasa Arab yang menawarkan kursus bahasa Arab pada masa kini.

Kesimpulan

Dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati bahawa PBAS adalah salah satu pusat bahasa Arab yang ke hadapan dalam modul pembelajaran dan pengajaran interaktif bahasa Arab. Hal ini kerana PBAS dilengkapi dengan kelengkapan ICT dan program perisian yang terkandung di dalamnya selain mempunyai barisan tenaga pengajar dari dalam dan luar negara. Faktor kekuatan ini telah menjadikan PBAS hub latihan sepanjang tahun bagi memantapkan kecekapan bahasa Arab peserta yang hadir belajar di sini. Pemilihan PBAS sebagai pusat kajian telah mengenenahkan fungsi pusat bahasa Arab di Malaysia yang menjadi institusi sokongan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kepada institusi-institusi pendidikan formal seperti sekolah, institusi pendidikan guru, kolej dan universiti.

RUJUKAN

- Ahmad Qomaruddin, Implementasi Metode Bernyanyi dalam Pembelajaran Mufradāt , Jurnal Pendidikan, Vol. V No. 1 Disember 2017
- Anwar Ilham. 2010. Pengembangan Bahan Ajar. Bahan Kuliah Online. Direktori UPI. Bandung
- Arbai'e Sujud, Pendidikan Bahasa *DP Jilid 5, Bil. 2/ 2005*
- Meier, Dave. 2010. "Al-Taallum Al-Sarii". Terj. Ali Muhammad. Damsyik : Illaf Train. Dar Al-Qayyimah.
- Nor Yazidah Yahya et.al.2016. Kerangka Pembinaan Modul Pembelajaran Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar Warga Emas. e-Proceeding of the 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016. 14-15 March 2016, Kuala Lumpur, Malaysia
- Rian Vebrianto & Kamisah Osman. Keberkesanan Penggunaan Pelbagai Media Pengajaran dalam Meningkatkan Kemahiran Proses Sains dalam Kalangan Pelajar. Jurnal Pendidikan Malaysia 37(1)(2012): 1-11
- Sharifah Fatimah Binti Wan Jamel.2013. Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Bahasa Arab:Satu Kajian Kes. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Sharifah Alwiah Alsagoff.1981. Pengenalan Pengajaran Individu dengan Tumpuan Khas kepada Modul Pengajaran dan Modul Pembelajaran. Pendidik Dan Pendidikan . Jil.3 Bil. 1, Jan. 1981.
- Wan Azura et.al. Pembelajaran bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): Tinjauan Kecenderungan Pelajar. Prosiding Seminar.